



Buletin

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA



Bagaimana Menyambut
Hari Raya Aidilfitri?

- ms 10

IPTG
Legasi
Pemikiran
Tok Guru

Wacana
Sastera
Kanak-Kanak
- ms 16

Kursus Kefahaman
Dasar MMBI Dalam
Profesionalisme Pihak
Berkuasa Tempatan
- ms 9



Tinta PENGERUSI

“Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)”. Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.”

(Luqman: 12)

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan yang mulia, Nabi Muhammad SAW, seluruh keluarga dan para sahabat Baginda.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT atas kurniaan nikmat iman dan Islam yang telah dianugerahkan kepada kita semua. Semoga kita tergolong dalam golongan orang yang bersyukur.

Sebagai Pengerusi Institut Pemikiran Tok Guru Dato’ Bentara Setia (IPTG), saya mengucapkan tahniah kepada pasukan redaksi Buletin IPTG yang bertungkus-lumus sehingga berjaya menghasilkan dan menerbitkan Buletin IPTG ini buat kali pertama.

Saya berharap buletin ini bukan sahaja memaparkan aktitivi IPTG, tetapi akan menjadi wadah rujukan kepada masyarakat selaras dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam dengan misi menuju Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

Menjadi hasrat Kerajaan agar rakyat negeri Kelantan ini mempunyai pengetahuan, kefahaman, penerimaan, penghayatan dan pengamalan yang selari dengan prinsip Ubudiyah, Mas’uliyyah dan Itqan.

Bersempena dengan ketibaan 1 Syawal 1440H, disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua pembaca, dan seluruh umat Islam khususnya rakyat Negeri Kelantan.

Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana diberikan kesempatan menjadi tetamu Allah SWT selama sebulan di bulan Ramadhan, satu bulan yang disediakan kepada kita untuk mentarbiah dan mendidik diri agar menjadi orang yang bertaqwa.

Justeru itu, carilah ruang dan waktu untuk ziarah-menziarahi sanak saudara, kaum kerabat, sahabat handai, demi mengeratkan ikatan tali silaturrahim disamping kekal mentaqarrubkan diri kepada Allah Azza wa Jalla. Semoga Syawal kali ini dapat menghidupkan hablumminallah dan hablumminannas dalam kehidupan kita dan semoga Allah menerima ibadat kita dan memasukkan kita dalam golongan yang berjaya.

Eid Mubarak! Taqabbalallahu minna waminkum wa ja’alana minal ‘aidin wal faizin.

USTAZ DATO’ HAJI AHMAD BIN YAKOB

(Dato’ Bentara Kanan)

Menteri Besar Kelantan

Merangkap

Pengerusi Ahli Lembaga

Institut Pemikiran Tok Guru Dato’ Bentara Setia



Dari MEJA PENGARAH

“Dan (dengan yang demikian) sesiapa yang menghendaki balasan dunia, Kami berikan bahagiannya dari balasan dunia itu, dan sesiapa yang menghendaki balasan akhirat, Kami berikan bahagiannya dari balasan akhirat itu; dan Kami pula akan beri balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur.”

(Al-Imran: 145)

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Nabi junjungan besar Muhammad SAW serta ahli keluarganya, sahabat-sahabat baginda, para tabi'in dan seterusnya pewaris-pewaris perjuangannya.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan IradahNya kita dapat memasuki tahun 1440H/2019M ini dan menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita bagi merealisasikan bekerja sebagai satu ibadah berasaskan ‘Ubudiyah, Mas’uliyyah dan Itqan (UMI).

Sejajar dengan dasar kerajaan Merakyatkan Membangun Bersama Islam, Buletin IPTG yang diterbitkan secara berkala ini bukan hanya memaparkan aktiviti-aktiviti IPTG sahaja, tetapi buletin ini boleh dijadikan rujukan kepada pihak-pihak berkenaan dan masyarakat.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh team penerbitan Buletin IPTG telah berjaya menerbitkan Buletin IPTG bilangan pertama ini, dan berharap dapat meneruskan penerbitan berkala sepanjang tahun 1440H/2019M.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada warga kerja IPTG dan seluruh umat Islam walau di mana jua berada. Taqabbalallahu minna waminkum, Semoga Allah menerima(amalan) daripada kami dan anda semua.

Para pembaca dirahmati Allah, disamping menyambut Syawal penuh kegembiraan, perbanyakkanlah takbir dengan ucapan Allahuakbar dengan sesungguhnya. Apabila seorang hamba meletakkan kedudukan Allahuakbar dalam semua episod kehidupannya, maka sudah tentu akan menatijahkan puncak kehambaan kepada-Nya sahaja.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Hiasilah hari-hari raya kamu dengan takbir." (HR At-Tabrani)

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 1440H, saya memanjatkan doa ke hadrat llahi agar kita dapat menyambut Aidilfitri pada tahun ini dengan penuh keceriaan dan mengambil kesempatan untuk beramah mesra dengan sanak saudara serta bermaaf-maafan sesama kita.

Eid Mubarak!

DATO' DR. JOHARI BIN MAT

Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG).

Sidang Redaksi

PENAUNG:

YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob
(Dato' Bentara Kanan)

PENASIHAT:

Dato' Dr. Johari Bin Mat

PENYELARAS:

Mohd Hafizi Bin Mahadi

KETUA PENGARANG:

Siti Nur Amira Binti Fauzi

SIDANG PENGARANG:

Nurliyana Binti Ahmed
Abdul Haiy Bin Abdul Halim

EDITOR:

Ahmad Fathi Bin Yusoff

JURUFOTO:

Mohd Yusoff Bin Kamaruzaman

PEREKA GRAFIK:

Engku Syahir Bin Haji Engku Ismail

PERCETAKAN:

DIAN DARULNAIM SDN. BHD.

Lot 890A, Jalan Tengku Mohd Maasum,
Pasir Hor, 15150 Kota Bharu,
Kelantan Darulnaim.
Tel: 09-765 3510
Faks: 09-765 7510

ALAMAT SURAT MENYURAT:

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia,
Tingkat Bawah,
Blok Dewan Negeri,
Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 09-7470919
Faks: 09-7471045
Portal Rasmi: iptg.my
Email: iptgkelantan@yahoo.com
Facebook: www.facebook.com/iptg.my

Kata-Kata TOK GURU

"Perjuangan kita bukan bermula pada hari ini. Ia merupakan perjuangan yang dimulakan oleh para Anbiya yang terdahulu. Kita hanyalah mata rantai di dalam perjuangan ini. Kita mewarisinya daripada generasi yang terdahulu dan kita akan mewariskannya kepada generasi yang akan datang."

Al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia
Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat

LATAR BELAKANG

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

Idea penubuhan Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia dengan singkatan nama IPTG telah dicetuskan oleh Dato' Bentara Kanan Menteri Besar, YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob selepas beliau diamanahkan untuk meneruskan kepemimpinan YB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat rahimahullah sebagai Ketua Kerajaan Negeri. Beliau ingin agar pemikiran dan legasi yang berharga milik mantan Menteri Besar itu terus disuntikkan ke dalam jentera kerajaan negeri yang berasaskan dasar Membangun Bersama Islam serta berprinsipkan 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan.

IPTG dipengerusikan oleh Dato' Bentara Kanan Menteri Besar, manakala Tuan Guru Dato' Bentara Setia rahimahullah dilantik sebagai penasihat atau Murabbi Ummah. Konsep Murabbi Ummah merujuk kepada pendidik yang bukan sekadar penyampai

ilmu atau mu'allim, malah dalam masa yang sama memastikan masyarakat menghayati dan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Matlamat IPTG ialah agar fikrah Tok Guru dapat dimanfaatkan dalam jentera Kerajaan Negeri sekali gus untuk kepentingan ummah.

IPTG diterajui oleh Ahli Lembaga yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar. Keahlian Lembaga adalah terdiri daripada dua orang Ahli Exco Kerajaan Negeri yang terlibat dengan portfolio pembangunan Islam dan portfolio pendidikan. Ahli-ahli yang lain masing-masingnya mewakili ilmuan Islam atau ulama, ahli akademik, ahli perniagaan dan NGO. Setiap perancangan dan program IPTG dibentangkan di dalam mensyuarat ahli lembaga untuk mendapatkan pandangan dan keputusan sebelum dilaksanakan.



Sejarah

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)



1436H / 2015M

Perginya seorang Murabbi Ummah. Murabbi Ummah yang telah bersara daripada jawatan Menteri Besar Kelantan selepas PRU-13 pada 24 Jamadil Akhir 1434H bersamaan 5 Mei 2013, setelah memegang amanah selama 23 tahun. Beliau telah dilantik sebagai Murabbi Ummah oleh Kerajaan Kelantan dan menjadi ikon IPTG. Namun begitu, pada 18 Safar 1436H bersamaan 1 Januari 2015, beliau telah dimasukkan ke HUSM kerana menghidap penyakit kanser prostat. Setelah 42 hari di hospital, tanggal 22 Rabiul Awal 1436H bersamaan 12 Februari 2015, beliau dijemput Khaliqnya pada jam 9.40 malam Jumaat dirumahnya di Pulau Melaka. Beliau yang meninggalkan seorang isteri, Datin Bentara Setia Hajah Tuan Sabariah Tuan Ishak dan 10 orang anak, telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka pada 13 Februari 2016 bersebelahan pusara bapanya, Tuan Guru Haji Nik Mat Raja Banjar rahimahullah. Beliau pergi meninggalkan perjuangan politik-dakwah yang telah diterokainya sejak muda. Beliau pernah menjadi Ketua Dewan Ulamak PAS Kelantan (1968-1995), Pesuruhjaya PAS Kelantan (1981-2013) dan Mursyidul Am PAS (1994-2015). Beliau juga merupakan Ahli Parlimen Pengkalan Chepa (1974-1986), Adun Semut Api (1986-2004) dan Adun Cempaka (2004-2015). Setelah bersara sebagai Menteri Besar Kelantan pada 2013, beliau terus memberi sumbangan pemikiran kepada Kerajaan Kelantan bagi meneruskan agenda Membangun Bersama Islam sebagai Murabbi Ummah di IPTG.

1434H / 2013M

Perasmian Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) pada Ramadhan 1434 bersamaan Ogos 2013. IPTG dipengerusikan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar, Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, manakala Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat rahimahullah dilantik sebagai penasihat atau Murabbi Ummah.

1435H / 2014M

Pada tanggal 23 Jamadil Akhir 1435H bersamaan 23 April 2014, pelancaran buku pertama terbitan IPTG yang berjudul 'Tok Guru Sebuah Biografi' telah dilancarkan oleh YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan bertempat di Dewan Bunga Teratai Kota Darulnaim. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Murabbi Ummah IPTG, YB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat rahimahullah.

MISI | VISI | OBJEKTIF

Misi: Menjadi sebuah institusi terulung dalam mengabdikan legasi Kepimpinan Ulamak bagi mengukuh dan mengembang Dasar Membangun Bersama Islam.

Visi: Merealisasi pengembangan, penyelidikan, latihan dan pembinaan modul bagi pentadbiran dan pembangunan Kerajaan Negeri Kelantan serta pelaksanaan agenda Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

Objektif:

1. Pengembangan Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) melalui pendokumentasian, penerbitan, penyiaran dan wacana kepada semua lapisan masyarakat.
2. Melestarikan penyelidikan dengan memberi focus kepada pencapaian Pelan Strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI).
3. Melaksanakan latihan MBI dan MMBI memfokus kepada pembuat dasar, pelaksana dasar, dan massa.
4. Pembinaan modul dan garis panduan berdasarkan Indeks Sosio-taqwa.

Komponen IPTG

UNIT PENGEMBANGAN

Bertanggungjawab merancang, mengurus, dan melaksanakan kerja-kerja berkaitan pendokumentasian, menghimpun dan mengumpul bahan dokumen bercetak dan tidak bercetak seperti buku, prosiding, jurnal, kaset dan CD. Selain itu, unit pengembangan juga menghasilkan bahan atau kandungan secara bercetak dan tidak bercetak serta menyiarkan penerangan dasar MBI melalui pelbagai medium seperti website, facebook, dan lain-lain.

UNIT PENYELIDIKAN

Bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dengan fokus kepada Pelan Strategik MMBI berdasarkan 7 Mercu Tanda MMBI iaitu; 1) Amalan Kebersihan, 2) Menyempurnakan Solat, 3) Pembangunan Pendidikan, 4) Menyuburkan Kebudayaan dan Kesenian, 5) Menangani Gejala Sosial, 6) Menerajui Pembangunan Ekonomi, dan 7) Penyelidikan dan Penilaian. Selain itu, unit penyelidikan juga melaksanakan pemindahan pengetahuan hasil penyelidikan menerusi penganjuran seminar dan penerbitan buku.

UNIT LATIHAN

Bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksanakan latihan MMBI memfokus kepada pembuat dasar, pelaksana dasar dan massa. Modul-modul yang telah dibangunkan ialah Modul UMI-MBI memfokus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan dan ahli-ahli lantikan politik ; dan Modul Tok Guru yang diberikan kepada PBT. Terbaru, IPTG sedang membangunkan modul khusus untuk Bahagian Dakwah Halaqat iaitu Kursus Pentadbiran Pejabat, Modul Pengajaran Berkesan, dan Kursus Kemahiran IT.

UNIT PEMBANGUNAN MODUL

Bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksanakan kerja-kerja pembinaan modul dan lain-lain yang berkaitan.





KURSUS KEFAHAMAN DASAR MMBI DALAM PROFESIONALISME PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Bermula pada 15 Januari 2019, Kursus Kefahaman Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam(MMBI) dalam Profesionalisme Pihak Berkuaasa Tempatan (PBT) telah diteruskan lagi ke PBT Kota Bharu kumpulan pertama, manakala PBT Ketereh kumpulan pertama dan PBT Kota Bharu kumpulan kedua telah diadakan pada 29 Januari 2019.

Kursus Kefahaman Dasar MMBI dalam Profesionalisme PBT ini melibatkan seluruh PBT Negeri Kelantan iaitu sebanyak 12 PBT kesemuanya dimana kursus ini telah dijalankan sejak awal tahun 2018, dan diteruskan lagi pada tahun 2019.

Kursus ini memberi fokus kepada intipati konsep ‘Ubudiyah, Mas’uliyyah, dan Itqan (UMI) yang dijadikan nilai teras Kod Etika

Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dimana UMI merupakan tunjang kepada dasar Membangun Bersama Islam yang digagaskan oleh al-Marhum Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat pada tahun 1990.

Matlamat utama bagi kursus ini adalah untuk melahirkan jentera-jentera Pihak Berkuausa Tempatan negeri Kelantan berperibadi unggul dengan membudayakan kerja sebagai ibadah, penuh tanggungjawab, cemerlang, dan kompeten dalam melaksanakan tugas masing-masing selaras dengan dasar kerajaan negeri.

Justeru itu, objektif kursus ini ialah:

i. Membolehkan peserta memahami kedudukan MBI dalam konteks visi dan misi profesion

perkhidmatan kakitangan PBT berkaitan dasar dan falsafah kerajaan negeri Kelantan.

ii. Mengupayakan peserta melaksanakan

aplikasi UMI, serta pengislaman profesionalisme perkhidmatan dengan pengukuhan-pengukuhan tertentu.

Bagi mencapai objektif-objektif yang ditetapkan, modul kursus ini telah dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu Bahagian Pertama: Pengenalan Dasar Membangun Bersama Islam; dan ‘Ubudiyah, kemudian Bahagian Kedua: Mas’uliyyah dan Itqan.

Modul kursus ini dirangka bagi memberi pendedahan kepada seluruh kakitangan kerajaan negeri bagi membangunkan modal insan secara holistik, merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh setiap kakitangan bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian. Kursus ini lebih inklusif dimana ia melibatkan seluruh lapisan kakitangan Pihak Berkuausa Tempatan.

IPTG berharap seluruh kakitangan PBT mendapat manfaat, memahami intipati dasar kerajaan negeri Kelantan, dan mendokong MBI dan UMI supaya profesionalisme berada dalam kerangka yang kukuh, serta dapat mengaplikasikan UMI dalam kehidupan harian.



Bagaimana

MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI?

Aidilfitri merupakan hari kemenangan bagi orang beriman selepas berpuasa selama sebulan pada bulan yang dicintai Allah, Rasulullah dan orang-orang beriman.

Aidilfitri atau Hari Raya Fitrah adalah salah satu hari yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada umat Islam untuk menyambutnya sebagai hari bergembira dan bersyukur di atas nikmat yang Allah SWT anugerahkan kepada hamba-Nya yang berjaya melakukan ibadat pada bulan Ramadhan.

Dalam keghairahan kita menyambut ketibaan Syawal, usah dilupa beberapa amalan sunnah Nabi Muhammad SAW untuk diikuti demi mendapat kesempurnaan sambutan hari raya ini, antaranya ialah:

1. Mandi sebelum keluar menunaikan solat Hari Raya
2. Makan sebelum keluar untuk menunaikan solat hari raya Aidilfitri dan untuk Aidiladha makan selepas solat

Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: “*Sesungguhnya Rasulullah saw tidak keluar pada pagi hari Raya Aidilfitri, sehingga Baginda makan terlebih dahulu beberapa biji tamar... dan baginda memakannya dalam jumlah yang ganjil.*”

(Riwayat Bukhari)

3. Bertakbir pada hari Raya

Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu bertakbir mengagungkan Allah atas petunjuknya yang diberikan kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*”

(Al-Baqarah: 185)

4. Lafaz Takbir Hari Raya

Kata ulama, “*Ada keluasan dalam lafaz takbir ini, mana-mana lafaz boleh dibaca dan amalkan.*” Diangkat suara dalam melafazkan takbir bagi lelaki dan tidak bagi perempuan. Ia dilakukan di merata tempat; di masjid, di rumah dan di pasar-pasar.

5. Ucapan Tahniah Pada Hari Raya

– تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ – Semoga Allah menerima (amalan) dari kami dan anda semua) (Selamat) hari raya yang diberkati.

Atau ucapan yang seumpama dengan di atas yang terdiri dari ungkapan-ungkapan tahniah yang dibenarkan. Jubair bin Nufair berkata: “Para sahabat Nabi saw apabila mereka bertemu sesama mereka pada hari raya mereka mengucapkan تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ”

(Fath al-Bari)

6. Berpakaian baru / cantik di Hari raya

7. Keluar ke tempat solat melalui jalan lain dan balik daripadanya melalui jalan yang lain

Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: “Adalah Nabi saw, pada hari raya baginda membezakan jalan (pergi dan balik dari solat hari raya).”

(Riwayat Bukhari)

8. Solat Hari Raya

9. Keluar dengan berjalan kaki ke tempat solat hari raya

10. Wanita uzur juga keluar menyaksikan solat hari raya

Dari Umm Atiyyah RA katanya: “Kami disuruh oleh Nabi saw untuk mengeluarkan mereka (semua wanita) pada hari raya al-Fitri dan al-Adha; wanita yang baru baligh atau hampir baligh, wanita haid dan anak dara. Adapun wanita haid diasingkan daripada tempat sembahyang.”

(Riwayat Bukhari)

11. Membayar zakat fitrah



MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

- Bahagian 1

Pentadbiran Berasaskan Islam

Pentadbiran berasaskan Islam adalah hak mutlak milik Allah. Pentadbiran berasaskan Islam bukanlah suatu perkara baru, bahkan merupakan intipati ajaran Islam dan tuntutannya. Jika kita merujuk kepada al-Quran, maka kita akan dapati bahawa pentadbiran dunia ini adalah milik Allah SWT. Firman Allah:

"Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): "Siapakah Yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam? "(Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: "Allah jualah yang menguasai segala-galanya! "Oleh itu, katakanlah: "(Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?"

(Yunus: 31)

Untuk merealisasikan pentadbiran di bumi ini, Allah telah mengutus Adam AS sebagai khalifah;

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".”

(Al-Baqarah: 30)

Bahkan ia diserahkan lagi apabila Allah SWT telah berfirman kepada Nabi Daud AS supaya melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran dengan adil dan tidak mengikut hawa nafsu;

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu.”

(Sad: 26)

Malah keadaan ini dikukuhkan lagi dengan perintah Allah SWT kepada Baginda Nabi SAW supaya melaksanakan syariat Islam sebagaimana telah diturunkan didalam Surah Al-An'am ayat 106;

“Ikutlah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, dan berpalinglah dari orang-orang musyrik.”

(Al-An'am: 106)

Hal ini telah direalisasikan oleh Nabi Muhammad SAW setelah baginda tiba di Madinah Munawwarah. Sebaik tiba di Madinah dari Mekah dalam peristiwa hijrah, Rasulullah SAW membangun dan mentadbir Madinah Munawwarah berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Baginda menggubal Piagam Madinah pada tahun 1 Hijrah (622M) sebagai dasar negara berbilang kaum dibawah pimpinan Baginda SAW. Antara kandungan Piagam Madinah ialah keadilan sosial, kebebasan beragama, hak minoriti dan kedaulatan syariah. Baginda SAW mengadun dan mengolah pentadbiran Madinah Munawwarah agar menepati syariat Islam sehingga ke akhir hayat Baginda SAW dan sehingga akhirnya Islam sempurna. Setelah kewafatan Rasulullah SAW.

Konsep ini kemudiannya diteruskan oleh khalifah-khalifah Baginda iaitu Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Saidina Umar Al-Khattab, Saidina Uthman ibn Al-Affan dan Saidina Ali ibn Abu Talib. Bahkan konsep ini diteruskan oleh Khilafah Umaiyyah, Khilafah Abbasiyah sehingga kepada Khilafah Uthmaniah, yang akhirnya dijatuhi pada 1924, menyebabkan umat Islam tidak lagi mempunyai khilafah sehingga kini.

KURSUS KEFAHAMAN DASAR MMBI DALAM PROFESIONALISME AGENSI KERAJAAN



Urusetia Pelaksana Kursus Membangun Bersama Islam (UPKMBI) telah melaksanakan Kursus Kefahaman Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) dalam Proses Profesionalisme Agensi Kerajaan kepada kakitangan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) pada bulan Januari yang lepas bertempat di Sudara Beach Resort, Tok Bali, Kelantan.

Urusetia Pelaksana Kursus Membangun Bersama Islam (UPKMBI) terdiri daripada Institut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia (IPTG), Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK), dan Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) yang bekerjasama dalam melaksanakan kursus MMBI kepada agensi-agensi kerajaan negeri Kelantan.

Kumpulan pertama bagi kursus ini telah diadakan pada 5-7 Jamadil Awal 1440H bersamaan 11-13 Januari 2019, manakala kumpulan kedua pula pada 17-19 Jamadil Akhir 1440H bersamaan 22-24 Februari 2019. Fokus utama kursus ini ialah menerapkan pemahaman konsep 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI) dalam misi dan visi Aksb kepada seluruh kakitangan AKSB.

KOLEJ GENTERA

Generasi Sejahtera atau GENTERA adalah suatu projek di bawah kerajaan negeri Kelantan melibatkan sejumlah belia-beliawanis berkonsepkan kesejahteraan rakyat yang bersesuaian dengan tema kepimpinan YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Ahmad Yakob iaitu Kelantan Sejahtera Untuk Islam.

Kolej GENTERA berlangsung selama 10 minggu memberi fokus untuk melahirkan peserta yang menguasai empat bidang fokus iaitu orator, moderator, seni karikatur dan aktivis kelestarian alam sekitar.

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) turut serta menggerakkan Kolej GENTERA bersama-sama Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan ; Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan ; Urusetia Penghulu Negeri Kelantan; Yayasan Amanah Tok Kenali Negeri Kelantan(YTK).





WACANA SASTERA KANAK-KANAK:

**“Membetulkan Lingkungan
Pendidikan Dalam Al-Quran
Dan Hadis”**

Wacana Sastera Kanak-Kanak peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 19 Februari 2019 bertempat di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri yang menampilkan Dr. Ahmad Najib Bin Abdullah, Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya(UM) Nilam Puri dan Dr. Tuan Mohd Sapuan Bin Tuan Ismail Ketua Jabatan Usuluddin Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) sebagai ahli panel.

Tujuan wacana ini diadakan ialah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap

peri pentingnya kesusasteraan dalam membentuk sahsiah dan keperibadian mulia dalam kalangan kanak-kanak mengikut al-Quran dan Hadis. Program ini juga meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya kesusasteraan kanak-kanak dalam perkembangan sosial sebagai medium untuk mendekatkan dan membiasakan mereka dengan bahasa dan sastera, mempertingkatkan tahap keintelektualan, daya imaginasi dan kreativiti kanak-kanak, dan menyampaikan wadah pengajaran dan didikan moral selaras dengan al-Quran dan Sunnah.

Wacana ini dianjurkan oleh Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK).



LAWATAN PESERTA PROGRAM KOLEJ GENERASI SEJAHTERA KELANTAN (GENTERA) KE IPTG

Pada 18 Jamadil Awal 1440H bersamaan 24 Januari 2019, IPTG telah menerima kunjungan daripada peserta-peserta Kolej GENTERA sempena kunjung hormat peserta Kolej GENTERA ke agensi-agensi kerajaan Negeri Kelantan. Turut hadir bersama peserta-peserta Kolej GENTERA ialah





Hari Murabbi Ummah 1440H / 2019M

Hari Murabbi Ummah 1440H / 2019M telah diadakan pada 9 hingga 11 Jamadil Akhir 1440H bersamaan 14 hingga 16 Februari 2019 di Stadium Muhammad ke IV, Kota Bharu.

IPTG turut menyertai pameran Hari Murabbi Ummah bersama agensi-agensi kerajaan yang lain. Program yang berlangsung selama tiga hari itu merupakan program anjuran Kerajaan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan dan Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO selaku Pengarah Program.

Sana-Sini IPTG



12 REJAB 1440H / 19 MAC 2019

Kakitangan IPTG bertungkus-lumus menyediakan bahan rujukan untuk peserta Daurah al-Quran Madinah Ramadhan 1440H yang akan dimulakan pada 1 Ramadhan 1440H bersamaan 6 Mei 2019. Tahun ini merupakan tahun kedua IPTG mengendalikan Daurah al-Quran Madinah Ramadhan secara online sepanjang bulan Ramadhan.



24-28 JAMADILAKHIR 1440H / 1-5 MAC 2019

Dato' Dr. Johari Bin Mat, Pengarah IPTG bersama Penolong Pengarah IPTG, Encik Mohd. Hafizi Bin Mahadi telah mengiringi YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Bin Dato' Haji Hassan ke Indonesia sempena lawatan kerja Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi Negeri Kelantan ke Universiti Darussalam Gontor dan Pondok Pesantren Modern Islam (PPMI) Solo, Indonesia.



20 JAMADILAKHIR 1440H / 25 FEBRUARI 2019

Tahniah diucapkan buat En. Ahmad Fathi Yusoff, Pegawai Penyelidikan IPTG dan isteri diatas kelahiran cahaya mata keempat.



اللهم
صل على نبیک
وعلیٰ اهله وآلہ ونسلہ
ارفع نیکویتہ

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)
MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI
MAAF ZAHIR & BATIN



YAB DATO' BENTARA KANAN
USTAZ DATO' AHMAD YAKOB
PENGERUSI IPTG



YABHG. DATO' DR. JOHARI MAT
PENGARAH IPTG

BUKU TERBITAN IPTG 1440H / 2019M



RM18.00



: www.facebook.com/iptg.my



: 09-747 0919